



Jika anda mempunyai sebarang soalan atau anda memerlukan maklumat lanjut mengenai kajian ini, sila hubungi:

PEMBANTU PENYELIDIK: Ms. Nur Karmila Zainurdin

EMEL: covid19feline@gmail.com

TEL NO: 013-9467891

Jika anda ingin menyertai kajian ini,

[**SILA KLIK DI SINI**](#)

Kami akan menghubungi anda untuk menetapkan temujanji lawatan ke rumah.

Tajuk kajian:

Biopengawasan dan faktor risiko terhadap SARS-CoV2 dalam kucing

Nama penyiasat dan institusi:

Dr. Farina Mustaffa Kamal, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia

Nama penaja:

Malaysia One Health University Network (MyOHUN)

Pendahuluan:

Perkara yang penting dalam kajian ini adalah untuk anda memahami bagaimana kajian ini yang dijalankan dan perkara yang terlibat. Anda diminta untuk mengambil masa untuk membaca dengan sebaiknya dan menilai setiap maklumat sebaiknya sebelum anda bercadang untuk menyertai kajian ini. Anda diminta untuk bertanya kakitangan kajian jika anda ada apa-apa perkara yang tidak jelas atau anda ingin mengetahui lebih maklumat. Selepas anda betul-betul memahami kajian ini dan anda ingin menyertai kajian ini, anda mesti tandatangan borang keizinan makluman ini.

Penyertaan anda dalam kajian ini adalah sukarela. Anda tidak perlu menyertai kajian ini jika anda tidak mahu. Anda juga boleh menolak untuk menjawab mana-mana soalan jika anda tidak mahu jawab. Jika anda sukarela untuk menyertai kajian ini, anda boleh menarik diri bila-bila masa. Jikan anda menarik diri, apa-apa data yang dikumpul sehingga waktu anda menarik diri akan digunakan dalam kajian ini. Penolakan anda untuk menyertai kajian ini atau anda menarik diri daripada kajian ini akan tidak mempengaruhi apa-apa kelebihan kesihatan dan perubatan melainkan anda nyatakan.

Kajian ini telah dibenarkan daripada Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institusi Penggunaan dan Penjagaan Haiwan Universiti Putra Malaysia.

Latarbelakang dan Tujuan

Koronavirus Novel dengan nama rasminya Sindrom Penafasan Akut Teruk Koronavirus 2 (SARS-CoV2) telah muncul pada hujung 2019 dan sehingga hari ini, telah menyebabkan penyakit yang tidak diduga dikenali sebagai Covid19. Virus ini merebak secara utamanya daripada manusia kepada manusia melalui penyebaran titisan penafasan daripada kontak rapat dengan individu yang positif. Menariknya, terdapat beberapa laporan mengenai haiwan peliharaan pesakit positif Covid19 yang dijangkiti melalui tuannya. Bukti yang lebih banyak diperlukan untuk mengenalpasti peratusan kucing yang dijangkiti dengan virus ini dan risiko termungkin yang berkait-rapat dengan pengurusan kucing, interaksi fizikal dan sosial antara manusia dan haiwan peliharaan. Jadi, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti status Covid19 dalam kucing dan faktor risiko yang berkait dengan penyebaran antara manusia kepada kucing untuk Covid19.

Penyelidikan ini akan dijalankan dalam tempoh 6 bulan (15 Februari 2021 – 15 Ogos 2021). Jangkaan bilangan peserta ialah 220.

Keperluan kucing

Layak : Kucing berusia lebih daripada 6 bulan, memberi Kerjasama ketika prosedur pengambilan sampel, dan daripada mana-mana jantina dan status kesihatan.

Tidak layak : Kucing yang tidak memberi kerjasama ketika pengambilan sampel

Apakah yang kami perlukan daripada kucing anda?

Kami memerlukan sampel darah (1ml), calitan oronasal dan rektum daripada kucing anda. Prosedur ini adalah tidak berbahaya dan akan selesai dalam tempoh 10-15 minit. Prosedur ini akan menyebabkan sedikit ketidakselesaan dan sesetengah kucing mungkin mengalami sedikit lebam atau hematoma di kawasan pengambilan darah atau menunjukkan simptom penafasan seperti bersin selepas prosedur calitan oronasal.

Tanggungjawab pemilik kucing

Pasukan kajian kami akan mengatur jadual lawatan ke rumah anda untuk mengambil sampel kucing. Perkara penting adalah anda perlu menjawab semua soalan yang ditanya oleh staf kajian ini dengan jujur dan lengkap di mana soal selidik ini memerlukan selama 15 minit masa anda. Pasukan kajian ini juga akan mengakses rekod perubatan anda untuk mendapatkan maklumat berikut:

1. Tarikh anda disahkan positif Covid19
2. Tarikh dimasukkan ke hospital
3. Tarikh keluar dari hospital/tarikh bebas daripada perintah kuarantin di rumah
4. Sama ada anda mempunyai simptom sebelum mengambil ujian calitan (jika ada simptom, tarikh simptom bermula)

Anda akan diberikan borang soal selidik yang perlu dijawab. Borang ini mengandungi DUA bahagian iaitu bahagian demografik dan bahagian maklumat kucing. Bahagian demografik ini termasuk maklumat individu dan lokasi perumahan (bandar/luar bandar/pinggir bandar, sama ada di kawasan atau bukan di kawasan tumpuan jangkitan SARS-CoV2). Maklumat mengenai kucing pula berkait dengan maklumat kucing, status kesihatan kucing, pengurusan kucing, interaksi sosial dan fizikal dengan kucing anda.

Apakah potensi risiko dan kesan sampingan menyertai kajian ini?

Penyertaan anda dalam kajian ini tidak mempengaruhi rawatan perubatan anda dan mempunyai risiko yang sedikit. Anda bebas untuk menolak mana-mana soalan yang mana anda berasa tidak selesa untuk menjawab soalan tersebut. Kajian ini akan dihentikan apabila kajian ini tidak mempunyai penyertaan yang cukup, keputusan penaja untuk menghentikan kajian kerana kebimbangan kemungkinan penyebaran Covid19 atau kucing anda tidak memberikan kerjasama semasa pengambilan sampel. Peserta akan diberitahu jika kajian ini akan dibubarkan.

Apakah faedah menyertai kajian ini?

Kajian ini berkemungkinan mempunyai atau tidak mempunyai faedah kepada anda. Semua ujian diagnostik (RT-PCR dan ujian antibodi) dijalankan dalam kajian ini tidak akan melibatkan apa-apa kos ke atas pemilik kucing. Maklumat yang didapati dalam kajian ini akan membantu pihak kami untuk mengumpul lebih banyak data dan mengenalpasti faktor risiko berkait dengan penyebaran SARS-CoV2 daripada manusia kepada kucing. Tanda penghargaan di atas penyertaan dalam kajian ini di dalam bentuk makanan kucing percuma kepada peserta kajian. Tiada pemberian lain sama ada berbentuk wang atau bukan wang akan diberikan kepada peserta kajian.

Siapakah menyediakan dana bagi penyelidikan ini?

Kajian ini ditaja oleh Malaysia One Health University Network (MyOHUN). Anda tidak akan dibayar untuk menyertai kajian ini.

Adakah maklumat perubatan saya akan disimpan secara sulit?

Hanya staf kajian, juruaudit dan pemerhati yang berkelayakan, penaja atau ahli gabungan penaja dan kerajaan atau pihak berkuasa pentadbiran mempunyai akses terus ke rekod perubatan dan data kajian anda untuk memastikan kajian ini dijalankan dengan sebaiknya dan data akan direkod dengan sebaiknya. Semua maklumat peribadi akan disimpan **DENGAN SULIT**. Nama peserta akan disimpan dengan pangkalan data yang dilindungi oleh kata kunci dan akan dipaut dengan nombor pengenalpastian unik kajian bagi penyelidikan ini. Nombor pengenalpastian akan digunakan maklumat pesakit akan digunakan dalam helaian data subjek. Semua data akan dimasukkan di dalam komputer dengan kata kunci yang dilindungi. Setelah kajian ini selesai, data di dalam komputer akan disalin ke dalam storan keras luaran dan data di dalam komputer akan dipadam. Storan keras luaran dan mana-mana data salinan keras akan disimpan di dalam pejabat yang dikunci oleh penyiasat dan dikekalkan untuk minimum 3 tahun selepas kajian ini selesai. Storan keras luaran dan data akan dimusnahkan selepas tempoh penyimpanan. Peserta boleh meminta penyiasat untuk mendapat akses untuk mengkaji daptatan berkaitan kucing anda sahaja. Peserta tidak dibenarkan untuk melihat data kajian peribadi mereka berkait dengan faktor risiko disebabkan data tersebut akan dihubung dengan pangkalan data.

Apa yang akan terjadi apabila kucing saya disahkan positif Covid19?

JANGAN BIMBANG! Kami tidak akan mengambil kucing anda, ini kerana **TIADA** bukti risiko penyebaran daripada kucing kepada manusia atau haiwan lain. Kami menyarankan anda untuk mengekalkan kucing anda di dalam rumah, pantau mereka dan sebagai pemilik, anda perlu mengamalkan langkah kebersihan. Sehingga kini, kucing dengan Covid19 tidak mengalami petanda sakit atau mempunyai simptom ringan seperti batuk, bersin, cirit-birit dan muntah. Tetapi jika kucing anda menunjukkan tanda tidak sihat, sila hubungi penyelaras kajian untuk bantuan. Jika kucing anda memerlukan rawatan atau temujanji susulan, kami tidak akan bertanggungjawab dengan kos berkenaan.

Siapa yang harus saya hubungi jika saya mempunyai soalan mengenai bahagian manusia atau haiwan di dalam kajian ini?

Jika anda mempunyai apa-apa soalan mengenai kajian faktor risiko atau anda mahu maklumat mengenai kajian ini, sila hubungi: Prof. Dr Syafinaz Amin Nordin di email: syafinaz@upm.edu.my

Jika anda mempunyai apa-apa soalan mengenai hak anda sebagai peserta kajian ini, sila hubungi: Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di nombor telefon 03-3362 8407/8205/8888

Jika anda ada apa-apa kebimbangan mengenai kajian ini atau haiwan peliharaan anda, jangan ragu untuk menghubungi Dr. Farina Mustaffa Kamal di no telefon: [013-9467891] farina@upm.edu.my / Nur Karmila Zainundin: karmila197@gmail.com/covid19feline@gmail.com

Keselesaan kucing anda didahului!

Kami amat menghargai penyertaan anda. Terima kasih.

Nombor kelulusan kajian: NMRR 20-1834-55758; IACUC UPM R043-2020